


RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



RASUAH! KENAPA MASIH BERLAKU?

**Noor Azillah Mohamad Ali &
Shahrul Amri Ab Wahab**

Sepasang suami isteri yang merupakan pegawai imigresen mampu membuka kedai emas di Pahang dengan menggunakan nama adik sebagai proksi dalam mengaburi kegiatan gelap mereka. Pasangan suami isteri itu telah ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Wang sogokan yang diterima adalah dipercayai hasil dari aturan kemasukan warga asing tanpa dokumen lengkap ke negara Malaysia sejak tahun 2020 (Hasil petikan Kosmo, bertarikh 13 September 2025). Kes ini adalah disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009. Kes yang dinyatakan hanyalah salah satu contoh yang berlaku melibatkan penjawat awam. Berdasarkan Jadual 1 dibawah, dapat dilihat secara keseluruhan tangkapan dari tahun 2019 sehingga 2024.

Tahun	Jumlah Tangkapan
2019	1101
2020	998
2021	851
2022	909
2023	1137
2024	1134

Jadual 1: Statistik Tangkapan Keseluruhan dari tahun 2019
- 2024 (Sumber: www.sprm.gov.my)

Manakala dari Januari 2025 sehingga Ogos 2025, statistik tangkapan adalah sebanyak 906. Tangkapan yang dilaksanakan oleh pihak SPRM terdiri daripada kategori penjawat awam dan awam. Hukuman yang dikenakan pada kes yang disiasat mengikut seksyen 16(a) adalah penjara 20 tidak lebih 20 tahun dan denda 5 kali ganda nilai suapan, atau RM10,000, mana yang lebih tinggi. Hukuman yang dikenakan jelas kepada semua pesalah tetapi persoalannya kini kenapa masih berlaku kes rasuah, sedangkan semua sedia maklum apa kesannya kepada individu yang meminta atau menerima suapan.

Rasuah merupakan antara isu yang serius yang mana menjejaskan banyak aspek pembangunan ekonomi, politik dan sosial di Malaysia. Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memainkan peranan yang penting dalam membanteras gejala ini dengan melaksanakan pelbagai operasi tangkapan serta pendakwaan. Namun, ratusan tangkapan telah dibuat setiap tahun, persoalannya yang sering timbul, mengapa rasuah masih berleluasa? Apakah faktor-faktor yang menyumbang ianya berlaku, apakah cabaran dalam usaha pencegahan serta cadangan yang mungkin perlu dibuat bagi mengatasi rasuah ini terus berlaku.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada masih wujudnya rasuah adalah seperti berikut:

1. **Budaya dan normalisasi rasuah** – Budaya yang menganggap bahawa rasuah itu perkara biasa atau dianggap sebahagian daripada amalan biasa. Ada yang merasakan dengan rasuah ini dapat mempercepatkan segala urusan dengan pantas dan mudah. Budaya ini telah berakar tumbuh di dalam organisasi sejak dahulu lagi, sukar untuk membanterasnya meskipun tangkapan telah banyak dilakukan.
2. **Kelemahan pada sistem dan prosedur** - walaupun banyak undang-undang telah diperketatkan tetapi masih ada kelemahan dalam sistem pentadbiran yang memberikan ruang kepada amalan rasuah. Terlalu banyak birokrasi yang tidak telus dan kuasa budi bicara yang luas dalam memberikan peluang untuk satu-satu pihak menyalahgunakan kedudukan.
3. **Faktor ekonomi dan kewangan** - rasuah berlaku apabila adanya desakan ekonomi atau godaan kewangan. Mana-mana individu yang menghadapi tekanan kewangan akan mudah terjebak dengan rasuah. Bagi individu yang mempunyai kedudukan yang tinggi melihat rasuah ini sebagai satu cara untuk menambah lagi kekayaan yang ada dengan paling pantas.

4. **Tiada kesedaran dan integriti** - Pendidikan mengenai bahaya nya rasuah masih tidak cukup mendalam. Di mana mungkin ramai tidak melihat kesan jangka panjang rasuah yang dibuat akan memberi kesan kepada ekonomi dan masyarakat. Individu tidak ada nilai integriti dalam diri mereka sendiri adalah lebih mudah menerima atau memberi rasuah.



Persoalannya sekarang kenapa masih berlaku kes rasuah sedangkan banyak tangkapan telah dilakukan? Pelbagai polemik dalam isu rasuah ini jika ada golongan yang merasakan rasuah ini adalah satu perbuatan yang berulang kerana ia telah berakar dalam sistem itu sendiri. Kelemahan dalam struktur tidak dibaiki dan menjadikan umpama tangkapan itu hanya merawat simptom tetapi bukannya punca. Tambahan pula dirasakan hukuman yang dikenakan kepada pesalah tidak memberi pengajaran yang maksimum dan mungkin ada pesalah dikenakan hukuman yang ringan sahaja atas perbuatan rasuah. Ini akan memberikan persepsi bahawa rasuah berbaloi kerana risiko hukumannya kecil dari apa yang mereka perolehi.

Negara yang maju disebabkan pertumbuhan ekonomi yang mantap tetapi negatifnya perbuatan rasuah ini akan memberikan implikasi kepada negara itu sendiri. Berkemungkinan pelabur yang ingin melaburkan di dalam negara, akan berfikir panjang sebelum melabur kerana khuatir tentang ketelusan sistem. Projek pembangunan dalam negara terbengkalai kesan daripada dana yang diseleweng. Projek air Sabah sebagai contoh kes yang berlaku akibat daripada penyelewengan dana yang berlaku akibat amalan rasuah. Selain daripada itu akibat rasuah juga akan wujud ketidakadilan sosial, di mana golongan kaya semakin kaya melalui amalan rasuah, manakala rakyat biasa menanggung kesannya melalui kenaikan kos sara hidup serta peluang ekonomi yang terbatas. SPRM giat bertindak untuk sebarang pelaporan kes-kes rasuah yang berlaku tetapi kerisauan timbul kerana khuatir rakyat melihat banyak kes rasuah hingga hilang kepercayaan terhadap kerajaan dan

institusi penguatkuasaan. Keadaan ini akan membawa kepada isu kestabilan politik dan juga perpaduan nasional.

Sehingga kini, walaupun banyak tangkapan telah dilakukan oleh pihak SPRM tetapi masih berlaku kes rasuah kerana kita sedia maklum banyak faktor yang menyumbang kepada berlakunya rasuah. Banyak pun tangkapan bukanlah cara untuk menghapuskan rasuah dari wujud di kalangan masyarakat. Perlu ditingkatkan lagi pemahaman integriti di setiap lapisan masyarakat. Oleh itu, usaha membanteras rasuah perlu dilakukan secara holistik dengan melibatkan Pendidikan, perubahan pentadbiran, teknologi serta penguatkuasaan yang tegas dan adil. Jika semua dilaksanakan secara menyeluruh, ia mampu menghasilkan masyarakat yang bebas dari amalan rasuah.